

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Kadar hujan masih kritikal	Utusan Malaysia
2	Pembenihan awan diteruskan walaupun hujan	Kosmo
3	MOSTI wujud platform aplikasi mudah alih 'Smeappz.com' bantu usahawan pasakan produk	Bernamea.com
4	NMB catat 20% penguasaan domestik	Harian Metro
5	Cloud seeding put on hold due to rainy season	The Star
6	Rationing continues, water woes may last till year - end	The Malay Mail
7	Ribut petir di perairan utara semenanjung sehingga petang ini	Bernamea.com
8	MDV peruntuk RM750 juta untuk sector ICT	Utusan Malaysia
9	MDV sedia RM750j untuk ICT	Berita Harian
10	Dana RM750j untuk teknologi maklumat	Kosmo
11	Lynas ikut jadual untuk pengeluaran 11,000 tan setahun pad Jun 2014	Bernamea.com
12	MDV allocates RM750M to ICT sector	The Sun

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 29
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)

Pembenihan awan diteruskan bergantung permintaan – Abu Bakar
Kadar hujan masih kritikal



Oleh **FADZLY IZAB**
utusanmelaka@utusan.com.my

JASIN 1 April - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan meneruskan usaha pembenihan awan di beberapa negeri yang kadar penerimaan hujannya masih berada di tahap kritikal.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, sehingga kini, hanya Empangan Klang Gates di Kuala Lumpur dan Empangan Muda di Kedah yang masih berada di tahap berkenaan.

Menurutnya, usaha pembenihan hujan itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan kementerian bergantung kepada permintaan daripada negeri berkenaan.

“Kementerian masih belum

menghentikan operasi pembenihan awan namun hanya dilaksanakan bergantung kepada permintaan syarikat konsesi air di negeri terjejas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Mobile Apps Kepada Usahawan Kecil dan Sederhana di Bilik Seminar Hab Halal Melaka, Serkam di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat Taman Teknologi Malaysia, Zulkifli Fitri Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Hab Halal Melaka, Rossilah LalMuhammad dan Ketua Pegawai Eksekutif SME Cloud, Firdaus Ismail.

Jelas Abu Bakar, usaha pembenihan awan kini turut menggunakan kaedah baharu dikenali sebagai

‘dry seeding’ iaitu kaedah pembenihan kering yang menggantikan penggunaan air dengan garam.

“Operasi pembenihan awan dilaksanakan menggunakan pesawat ringan jenis Cessna memandangkan pesawat lebih besar digunakan bagi usaha mencari pesawat MH370 yang hilang di Lautan Hindi,” ujarnya.

Tambah beliau lagi, sehingga kini, sebanyak 139 operasi pembenihan awan telah berjaya dilaksanakan kementeriannya sejak mula diperkenalkan pada 1968.

Sementara itu, beliau meminta orang ramai tidak risau memandangkan negara sedang melalui pertukaran monsun yang menjadikan cuaca lebih lembap dan hujan dijangka berlaku.

DR. Abu Bakar Md. Diah (dua dari kanan), bersama **Zulkifli Fitri Ismail** (kiri), **Firdaus Ismail** (dua dari kiri) dan **Rossilah LalMuhammad** menunjukkan contoh aplikasi usahawan yang boleh dimuat turun dalam 'Google Play' selepas merasmikan Bengkel Mobile Apps untuk Usahawan Perindustrian Kecil dan Sederhana di Jasin, Melaka, semalam. - UTUSAN/NURSURAYA ZULKIFLI

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 15
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)

Pembenihan awan diteruskan walaupun hujan

JASIN - Usaha pembenihan awan di beberapa buah negeri tetap diteruskan meskipun hujan lebat mula turun setelah negara mengalami musim kemarau sepanjang Januari hingga Februari lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, setakat ini tahap penerimaan hujan masih pada tahap kritikal melibatkan kawasan di Empangan Klang Gate, Kuala

Lumpur dan Empangan Muda, Kedah.

"Sejak berlaku musim kemarau awal tahun ini, kementerian masih belum menghentikan operasi pembenihan awan.

"Namun, usaha itu dilaksanakan bergantung kepada permintaan syarikat konsesi air di negeri yang terjejas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Bengkel Mobile Apps Kepada Usahawan Kecil dan Se-

derhana di Serkam dekat sini semalam.

Abu Bakar memberitahu, usaha pembenihan awan kini menggunakan kaedah baharu dikenali sebagai *dry seeding* iaitu pembenihan kering yang menggantikan penggunaan air dengan garam.

Ujarnya, sehingga kini sebanyak 139 operasi pembenihan awan berjaya dilaksanakan kementerian sejak mula diperkenalkan pada 1968.



Mosti Wujud Platform Aplikasi Mudah Alih 'Smeappz.com' Bantu Usahawan Pasarkan Produk

JASIN, 1 April (Bernama) -- Taman Teknologi Malaysia dengan kerjasama syarikat teknologi maklumat, SME Cloud Sdn Bhd akan mewujudkan platform aplikasi mudah alih dikenali sebagai 'SMEAPPZ.COM' bagi membantu usahawan industri kecil dan sederhana di negara ini.

[Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#), berkata menerusi aplikasi itu orang ramai boleh mendapat maklumat terperinci mengenai produk usahawan dengan hanya menaip jenama produk melalui telefon pintar mereka.

Sebagai permulaan, katanya, seramai 25 usahawan di Melaka dipilih mewujudkan platform melalui aplikasi Apple iOS atau Android dalam membantu kaedah pemasaran produk mereka.

"Ia menggalakkan usahawan di negara ini menggunakan teknologi untuk memasarkan produk mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bengkel 'Mobile Apps' di Hab Halal Melaka, di Serkam Selasa.

Katanya, usahawan terpilih merupakan mereka yang berpotensi dan komited untuk memasarkan produk masing-masing.

Abu Bakar berkata, inisiatif itu selari dengan trend masyarakat yang semakin terdedah dengan penggunaan teknologi canggih dan Internet.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar berkata, proses pembenihan awan akan diteruskan walaupun negara mula menerima hujan ekoran peralihan Monsun Timur Laut ke Barat Daya.

Beliau bagaimanapun berkata, proses itu hanya akan dilakukan sekiranya terdapat permintaan daripada syarikat konsesi air.

Katanya, kini pihaknya menumpukan proses pembenihan awan bagi meningkatkan paras air di beberapa empangan seperti di Empangan Klang Gate di Kuala Lumpur dan Empangan Muda di Kedah.

-- BERNAMA

NMB catat 20% penguasaan domestik

Kuala Lumpur: NanoMalaysia Bhd (NMB) berhasrat mencatatkan sehingga 20 peratus penguasaan pasaran domestik produk pengurusan pemanasan kuprum karbon tiubnano kompositnano menjelang 2015 yang akan memberi manfaat kepada industri pemanasan diod pemancar cahaya (LED).

Syarikat di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu kini menjalankan kerjasama dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP) dalam usaha mengkomersialkan produk berkenaan pada akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Rezal Khairi Ahmad berkata, hasil pengkomersialan itu turut memberi sumbangan dalam pembangunan pelbagai sektor antaranya elektro-

nik dan teknologi maklumat.

Beliau berkata, pihaknya bercadang memasuki pasaran global dengan menyasarkan Eropah sebagai pasaran awal dalam tempoh lima tahun selepas memasarkan produk itu di pasaran tempatan pada 2015.

"Kerjasama antara NMB dan UTP sebagai institusi yang mempunyai latar belakang pembangunan teknologi membantu kami komersialkan produk yang mempunyai potensi tinggi dalam pasaran pelbagai industri yang memerlukan-nya.

"Kami mendapat geran daripada pihak kementerian yang nilainya dianggarkan kurang RM5 juta," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara NMB dan UTP, di sini.

Cloud seeding put on hold due to rainy season

PETALING JAYA: Cloud seeding operations will be put on hold for a few days as the country is seeing near daily thunderstorms and showers of the inter-monsoon season, even if the levels in the dams in Klang Valley are not showing any signs of increasing.

National weather centre director Muhammad Helmi Abdullah said cloud seeding was unnecessary given the current rainfall patterns.

He added that it would only be a matter of time before the water levels rose as the rainy season continued.

"Let nature take its course. After a prolonged dry spell, one cannot expect water levels to increase after several days of rainfall.

"The soil around the water catchment area is so dry that water will simply be absorbed into the ground, making water levels in the dams appear unchanged," said Helmi.

He added that the states in Peninsular Malaysia's west coast area were expected to receive normal rainfall of between 200 and 300mm during the inter-monsoon season, and that would be sufficient to raise water levels at the dams if the wet spell continued in the coming weeks.

The inter-monsoon season, which is expected to begin at the end of this month, will last until the middle of May.

Rationing continues, water woes may last till year - end

By **Ida Nadirah**
ida@mmail.com.my

CYBERJAYA — Phase four of water rationing in the Klang Valley begins on Friday but talks on phase five are already taking place as water reserves at dams in Selangor continue to drop below critical levels.

Insiders say if the water levels decrease and rain does not fall over the water catchment areas, rationing could continue until the end of the year.

“The water supply from the dams is not enough to supply water to more than seven million users in Klang Valley,” said the source.

“Phase five may begin soon and if the condition worsens, there is a possibility rationing could continue till December.”

The source said the Selangor government must come up with a plan to overcome the current water woes.

“The state government should find new water sources,” the source said.

Selangor had earlier this month launched the Hybrid Off River Augmentation System (Horas) project — a storm-water harvesting system and accumulation of groundwater.

The first phase, however, would only be completed by July next year, and the Horas will be up and running by 2020.

It will reduce the reliance on dam and surface water and be able to meet demand during prolonged dry seasons.

However, the source said the Horas project should have been carried out years ago as it may take a long time for dams to be filled up because of the present hot season.

“Even though it is raining, it is too hot and rain water falling in catchment areas is evaporating,” the source said.

National Water Service Commission (SPAN) chairman Datuk Ismail Kassim yesterday announced that once phase four begins, 1,340,231 households and 6.7 million users in nine districts in Selangor, Kuala Lumpur, and Putrajaya would be affected.

He said phase four would be implemented with phases one to three, which would

continue until April 30.

The main areas which will be affected are Gombak, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Kuala Lumpur, Kuala Langat, Hulu Langat and Sepang. The affected areas will receive two days of water supply and two days of rationing.

Ismail said if water rationing was not implemented, the possibility of the dams drying up further may cause a worrying impact for the Klang Valley residents.

“We cannot have water rationing in Selangor on alternate days like in Mersing, Johor, because there are more users affected in Selangor,” he said.

“If we do alternate days, some households far from the source will not have enough time to fill their water tanks.”

He said the Selangor government would reduce the release of an additional 500 million litres daily (mld) of water supply, which results to a release of 600 to 800mld instead of the average 1,600 to 1,800mld.

SPAN said the water level in the Sungai

Selangor dam had dropped drastically, unlike previous years.

Meteorological Department deputy director general Alui Bahari said: “The ongoing dry weather happens when there is a climatic change, and there is a change of pattern this year compared to previous years.”

“Rainfall has been consistent all these years and we are only seeing a change this year. If we look at the long-term pattern of 30 years, the climatic changes do not vary drastically.”

He said April and October were usually the wettest months of the year with an average monthly rainfall of between 200 and 350mm.

Selangor Water Management Authority (LUAS) director Md Khairi Selamat said cloud seeding operations will continue in the coming days, as the weather will be conducive for the event to take place.

LUAS is also pumping raw water from underground water and former mines to add to the Sungai Selangor dam.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)



Ribut Petir Di Perairan Utara Semenanjung Sehingga Petang Ini

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Ribut petir menyeluruh dijangka berlaku secara berterusan di kawasan perairan Langkawi, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Sarawak dan Labuan sehingga petang ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), keadaan sama juga berlaku di perairan Phuket, Reef South, dan Reef North.

Keadaan ini mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ketinggian ombak mencapai 3.5 meter serta berbahaya kepada bot-bot kecil, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)

MDV peruntuk RM750 juta untuk sektor ICT



MD. Zubir Ansori Yahaya menyampaikan ucapan pada majlis bual bicara ICTeh Tarik Talk di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 1 April - Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV) memperuntukkan dana pembiayaan sebanyak RM750 juta untuk sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sepanjang tahun ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya berharap dengan dana itu akan dapat menjayakan visi pertumbuhan syarikat-syarikat ICT di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya amat memahami keperluan dan aspirasi usahawan tekno tempatan dalam mencari pembiayaan untuk menjalankan projek.

"MDV mahu merapatkan jurang syarikat-syarikat ICT tempatan terutamanya dalam keupayaan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian majlis bual bicara yang dinamakan ICTeh Tarik Talk di sini hari ini.

Lebih 70 buah syarikat ICT dan

usahawan tekno dari seluruh negara hadir pada majlis itu.

Majlis bual bicara itu bermatlamat untuk mempromosi kesedaran terhadap skim-skim pembiayaan yang ditawarkan MDV dalam tempoh jangka panjang.

Tambah Md. Zubir, pertumbuhan dan kemampuan syarikat-syarikat ICT merupakan keprihatinan utama MDV.

Katanya, syarikat memahami bahawa syarikat-syarikat ICT amat memerlukan bantuan terutamanya bantuan kewangan.

"MDV setakat ini menyokong syarikat ICT, bioteknologi, teknologi hijau dan teknologi-teknologi baharu muncul," ujarnya.

Setakat ini, MDV telah meluluskan lebih RM6 bilion nilai projek melibatkan lebih 450 buah syarikat teknologi daripada pelbagai sektor.

Lebih 70 peratus kelulusan itu telah dianugerahkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

MDV sedia RM750j untuk ICT

» Dana bantu rapatkan jurang, tingkat daya saing syarikat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) memperuntukkan dana RM750 juta kepada sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tahun ini.

Pengarah Urusan merangkap Ketua Eksekutif, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya, berkata peruntukan besar untuk sektor berkembang pesat itu sejajar dengan misinya menyediakan penyelesaian fleksibel dan inovatif kepada syarikat ICT menerusi dana pembiayaan MDV.

“Memahami keperluan dan aspirasi usahawan teknologi, MDV sedar mengenai kepentingan untuk menyediakan dana tepat kepada syarikat ICT untuk

terus berkembang dan berjaya.

“Dalam hal ini, MDV ingin rapatkan jurang syarikat ICT terutama dari segi keupayaan kewangan,” katanya berucap merasmikan ‘ICTeh Tarik Talk’ di Kuala Lumpur, semalam.

‘ICTeh Tarik Talk’ dianjurkan oleh MDV untuk syarikat ICT tempatan dan usahawan teknologi yang disertai lebih 70 peserta daripada industri tempatan.

Bantu usahawan

Penganjurannya disasarkan untuk mempromosi serta mempertingkatkan tahap kesedaran berhubung skim kewangan yang ditawarkan MDV, sejajar dengan mandat diberikan bagi membantu usahawan teknologi dan sektor teknologi lain membangun dengan lebih mapan dalam mencapai kejayaan jangka panjang.

‘ICTeh Tarik Talk’ antara lain menampilkan sesi bersama ahli panel daripada MDV, yang memperkenalkan dan berkongsi skim pembiayaan yang ditawarkan terutama prosedur permohonan termasuk Pembiayaan iPer-

kilangan, Pembiayaan Kontrak dan Skim Pembiayaan Harta Intelek (IPFS).

Pembiayaan ditawarkan MDV
IPFS yang dilancarkan Disember lalu adalah program pembiayaan terbaharu yang ditawarkan MDV.

Md Zubir berkata, pertumbuhan dan kemapanan syarikat ICT menjadi keutamaan MDV dan ia adalah penting dalam membangunkan syarikat berkaitan.

“MDV sebagai rakan pembiayaan boleh dipercayai yang memberikan sokongan kewangan kukuh kepada mereka,” katanya.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2002, MDV sudah meluluskan projek bernilai RM6 bilion kepada lebih 450 syarikat teknologi pelbagai sektor dengan 70 peratus daripadanya disalurkan kepada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Antara sektor teknologi yang mendapat sokongan MDV termasuk bioteknologi, teknologi hijau dan teknologi baru muncul lain.



“
MDV ingin
merapatkan
jurang syarikat
ICT terutama dari
segi keupayaan
kewangan”

Md Zubir Ansori Yahaya,
Pengarah Urusan merangkap
Ketua Eksekutif MDV

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 52
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)**

**Dana RM750j
untuk teknologi
maklumat**

KUALA LUMPUR – Malaysia Debt Ventures Bhd. (MDV), pembiaya teknologi negara, telah memperuntukkan RM750 juta untuk sektor teknologi maklumat dan komunikasi.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Md. Zubir Ansori Yahaya berkata, dalam memahami keperluan dan aspirasi pengusaha teknologi, MDV menyedari kepentingan menyediakan jenis dana yang betul untuk syarikat terbabit berkembang dan berjaya.

"Dalam hal ini, MDV ingin membantu mengatasi masalah yang dihadapi syarikat dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi, terutama dalam bidang kewangan.

"Pertumbuhan dan kemampanan syarikat dalam sektor tersebut sudah tentu menjadi perhatian utama MDV," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.



Lynas Ikut Jadual Untuk Pengeluaran 11,000 Tan Setahun Pada Jun 2014

KUALA LUMPUR, 1 April (Bernama) -- Lynas Corp Ltd akan mencapai pengeluaran produk oksida nadir bumi (REO) sebanyak 11,000 tan setahun mengikut jadual berikutan perkembangan besar yang berlaku pada suku tahun Mac 2014.

Lynas dalam satu kenyataan hari ini berkata, semasa tempoh itu, syarikat telah mencapai rekod pengeluaran 1,089 tan REO dan jualan sebanyak 751 tan REO dengan purata harga jualan naik sebanyak lima peratus kepada US\$22.63 (US\$1 bersamaan RM3.2595) sekilogram REO (hasil asas) berbanding suku sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Eric Noyrez berkata loji bahan termaju Lynas (LAMP) telah menunjukkan pertumbuhan dalam pengeluaran dan hasil jualan selama empat suku tahunan berturut-turut dan peningkatan prestasi ini menunjukkan ketekalan dan kebolehpercayaan aliran bahan melalui loji.

"Perubahan organisasi dan kakitangan dalam bidang-bidang penyeliaan, pembaikan dan prosedur penyelenggaraan dan pengubahsuaian hingga proses automasi menyokong prestasi yang bertambah baik ini.

"Kami akan terus meninjau di mana mungkin terdapat peluang-peluang menambah baik dan kecekapan kos," kata Noyrez.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE SUN (BRIEFS) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 02 APRIL 2014 (RABU)

**MDV ALLOCATES
RM750M TO ICT SECTOR**

PETALING JAYA: Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) has allocated RM750 million worth of funds to the ICT sector this year. In a statement yesterday, it said the technology sector that MDV supports includes ICT, biotechnology, green technology and other emerging technologies. To date, MDV said, it has approved over RM6 billion worth of projects to more than 450 technology companies from various sectors. More than 70% of the approvals were awarded to SMEs.